

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN [TANJONG
MANIS]**

NO. SOALAN : 119

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian
dapat menyediakan peruntukan untuk
membangunkan jalan dari Kampung Salah Kecil ke
Kampung Tekajong di Pulau Bruit, daerah Daro.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permohonan untuk melaksanakan projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Ketiga (RMKe-11, RP3) Tahun 2018. Pada masa ini, semua permohonan projek bagi RP3, Tahun 2018 masih dalam peringkat penyelarasan. Pihak Kementerian akan mengangkat permohonan projek ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk pertimbangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan EPU, JPM dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.